

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan kepada isu pelajar sekolah hamil luar nikah di empat buah Pusat Perlindungan Wanita di sekitar Negeri Selangor. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan pelekatan dan persekitaran terhadap depresi dalam kalangan pelajar sekolah yang hamil luar nikah. Kajian dijalankan dengan menggunakan metodologi kuantitatif, yang mana pengkaji mengedarkan soal selidik kepada responden. Sejumlah 81 pelajar sekolah hamil luar nikah terlibat dalam kajian ini. Keputusan menunjukkan bahawa tahap depresi yang dialami oleh pelajar sekolah hamil luar nikah dan berada pada tahap yang sederhana dengan keputusan $\text{min} = 3.48$. Kajian mendapati, terdapat hubungan yang signifikan ($r = 0.577$, sig. 0.000) antara pelekatan dan persekitaran terhadap depresi dalam kalangan pelajar hamil luar nikah. Sokongan dan dorongan daripada keluarga sangat penting bagi pelajar hamil luar nikah untuk meneruskan kehidupan mereka. Pada kebiasaannya pelajar hamil luar nikah ini menerima persepsi negatif dari banyak pihak terutamanya masyarakat sekeliling. Persepsi negatif daripada pelbagai pihak menyebabkan pelajar-pelajar ini mengalami depresi, tambahan dengan keadaan mereka yang terlalu muda untuk hamil. Oleh itu, sokongan dan dorongan yang baik dapat menghalang pelajar sekolah yang hamil luar nikah mengalami depresi sepanjang tempoh kehamilan mereka. Secara tidak langsung, peratusan depresi dalam kalangan pelajar sekolah yang hamil luar nikah dapat dikurangkan.

Kata Kunci: Pelajar Sekolah Hamil Luar Nikah, Depresi, Pelekatan, Persekitaran